

Headline	Adun PAN `kutip` maklumat tepi jalan		
MediaTitle	Harakah		
Date	27 Nov 2017	Color	Full Color
Section	General News	Circulation	50,000
Page No	N12	Readership	150,000
Language	Malay	ArticleSize	183 cm <sup>2</sup>
Journalist	SALMAH MAT HUSAIN	AdValue	RM 1,526
Frequency	Twice in a Week	PR Value	RM 4,578



# Adun PAN ‘kutip’ maklumat tepi jalan

Oleh SALMAH MAT HUSAIN

**KOTA BHARU:** Kerajaan negeri menyifatkan Adun Parti Amanah Negara (PAN) Salor mengutip maklumat di tepi jalan sehingga tersar jauh daripada apa yang sebenar berlaku.

Dato' Husam Musa ketika membahas Bajet Kelantan 2018 pada persidangan Dun Selasa lepas mendakwa kerajaan negeri melulus tanah seluas 20,000 ekar kepada satu syarikat untuk tanaman kayu putih.

Sedangkan apa yang sebenar berlaku Kompleks Perkayuan Kelantan (KPK) melulus 100 ekar sahaja kepada syarikat terbabit sebagai projek percubaan.

Timbalan Menteri Besar, Dato' Mohd' Amar Abdullah berkata, cadangan pro-



**Mohd Amar Abdullah**

kek berkenaan dibuat pada 2012, di mana wakil Syari-kat Weststar membuat tak-limat kepada mantan men-teri besar Allahyarham Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Katanya, kerajaan ne-geri bersetuju dengan ber-

syarat bagi mengurangkan penebangan pokok-pokok balak.

“Pada dasar diperse-putui kerajaan negeri lulus 5,000 ekar dengan syarat dibuat dengan usaha sama Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat,” kata-nya pada persidangan Dun Rabu lepas.

Katanya beliau turut mengadakan lawatan ke Wilayah Guang Xi, Nanning China untuk melihat projek yang diusahakan syarikat terbabit.

Rombongan tersebut turut disertai pegawai Jabatan Perhutanan Semenanjung, Jabatan Hutan Kelantan, FRIM dan Institut Hutan Tropika UPM.

Beliau berkata, pakar yang menyertai lawatan tersebut memberi panta-

ngan yang positif dan me-nyokong tanaman pokok kayu putih.

“Kerajaan negeri juga bersetuju kerana projek itu dapat mengatasi tebangan balak. Kita tidak bergantung lagi kepada pokok balak bia-sa. “Keperluan kayu dapat dipenuhi ladang tersebut kerana lebih baik daripada ladang getah klon balak ker-na tempoh tebangan lebih singkat,” katanya.

Mohd Amar juga menafikan dakwaan Adun PAN terbabit yang memberi gam-baran pokok kayu putih me-nyerap begitu banyak air.

Menurut beliau berdasar kajian di Nanning, China penyerapan air oleh pokok tersebut lebih sedikit iaitu 306 liter air berbanding ja-gung menyerap 1,000 liter air.